

23/06/1999

Dr Mahathir masih seorang doktor

Mahadzir Mohd Khir

SINARAN lampu televisyen (TV) dan lampu kamera memancar-mancar menyilau mata. Fokusnya ke arah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ramai yang sudah sedia berbaris di luar Dewan Merdeka. Permaidani merah terbentang lurus dari luar hingga ke dalam. Laluan itu bagaikan laluan tetamu khas dan seolah-olah jalan yang menentukan siapa berkuasa dan dari mana kuasa itu datang. Permaidani itu juga yang mengangkat dan yang menurunkan seseorang. Itu laluan ke koridor kuasa.

Penonton di luar dewan berasak-asak menanti Dr Mahathir keluar dari dewan. Masing-masing tertanya-tanya "bila lagi beliau akan keluar?". Penonton di luar sudah tidak sabar lagi. Di belakang penonton yang berbaris, terpampang senarai nama-nama mereka yang mendapat kontrak-kontrak besar dan agihan saham ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim memegang jawatan Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.

Ramai yang melihat-lihat papan senarai tersebut sebelum mereka berbaris. Apakah erti itu semua? Tahukah mereka apa itu saham? Bagaimana ia boleh terjadi? Apa maksud siapa dan siapa dapat saham. Mereka yang faham sedikit sebanyak mengenainya pasti akan mengeluh. Ramai yang cuba membeli mata, kerana tulisan dan angka-angkanya amat kecil tetapi deretan angka-angkanya amat besar. Senarai itu menerangkan siapa dapat saham dan projek-projek besar.

Kedengaran salah seorang daripada mereka memberi komen 'nama saya tidak ada!' Bagaimana ia tidak tersenarai? Mengapa tidak? Pada hal kami juga ahli Umno dan orang Melayu. Mengapa tidak kami juga diberi sama saham-saham berkenaan? Apakah kami juga pada suatu masa dulu penyokong Anwar. Kawan-kawan kami disuruh menyokong Anwar dan beliau juga harapan kami. Cerita terhenti di situ. Tarikan untuk melihat wajah Dr Mahathir dari dekat mengalih pandangan mereka.

Dr Mahathir masih di dalam dewan, dan hujah penggulungan mesyuarat belum lagi selesai. Banyak perkara disampaikan. Selepas selesai, kedengaran tepukan gemuruh dan secara spontan semua yang berada di dalam dewan bangun dan terus memberi tepukan seolah-olah tiada penghujungnya. Tepukan ini datang secara spontan. Kemudian satu ikrar dilafazkan; masing-masing bangun berdiri dan sama-sama melafazkan ikrar taat setia serta berjanji terus berjuang mempertahankan Umno dengan penuh semangat, menggemakan Dewan Merdeka. Ikrar dilafazkan dengan diketuai Tan Sri Khalil Yaakob, Setiausaha Agung Umno yang baru, bersama wakil-wakil Pemuda dan Wanita.

Kali ini Umno penuh semangat. Barang siapa yang mendengarnya bagaikan Umno tidak akan berundur walaupun dalam satu milinium yang akan datang. Umno akan menjadi benteng pertahanan Melayu dan berikrar untuk mendapat kejayaan dalam pilihan raya akan datang. Nampaknya Umno dapat kekuatan dan keyakinan baru. Perhimpunan kali ini penuh simbolik Umno akan ke medan 'perjuangan', meletakkan asas kepada milinium yang akan datang.

Di luar dewan, penonton yang sekian lama menanti terus berasak asak untuk menatap wajah Dr Mahathir dengan mata kepala mereka sendiri, dan jika boleh semuanya mahu bersalaman dengannya. Dapat untuk bersalaman dengannya boleh dijadikan cerita apabila balik ke kampung nanti. Sekurang-kurangnya cerita itu akan berterusan di kalangan keluarga, jiran dan orang kampung yang bertanya khabar mengenai perhimpunan di Kuala Lumpur.

Keadaan menjadi bertambah 'tegang' di lantainya empat Dewan Merdeka, di dalam dewan ini juga sebelum ini pernah Anwar berucap. Kali ini, dan kali

pertama perhimpunan tanpa beliau sejak beliau menyertai Umno.

Nama Anwar tidak akan lagi menjadi sebutan, kerana sudah pun disingkir dari parti. Senario politik kali ini adalah politik Umno berdepan dengan Pas; tetapi ramai yang bercakap-cakap, mengatakan parti tidak kehilangan apa-apa tanpa Anwar. Malah Umno sudah kembali dengan keyakinan baru, selepas penjelasan yang dibuat oleh Presidennya dan pemimpin lain yang turut berhujah. Mungkin sebelum ini ada banyak kemungkinan yang menjadikan ahlinya ragu-ragu kerana hasutan luar. Tujuannya ialah untuk memecah Umno dari dalam, kerana cubaan-cubaan dari luar menerima kebuntuan.

Sinaran lampu TV terus mengekori Dr Mahathir, asakan penonton yang menanti untuk bersalaman kian tidak terkawal. Ia bukan rusuhan atau protes tetapi mencari peluang untuk bersalaman dan menatap wajah pemimpin yang disanjung. Dr Mahathir senyum dan melambai-lambaikan tangan. Keadaan menjadi kian tegang. Kedengaran suara memekik supaya diberi peluang untuk bersalaman. Pengawal-pengawal peribadi dan keselamatan terpaksa mengawal dengan membuat bulatan sekeliling beliau agar Dr Mahathir tidak terhimpit. Dengan senyuman beliau terus bersalaman dengan mereka yang sempat menghulurkan tangan.

Ini semua melambangkan Dr. Mahathir terus mendapat sokongan. Sesetengahnya datang jauh dari kampung. Mereka ingin melihat dan ingin tahu apa perbincangan, walaupun mereka tidak dapat menyertainya di dalam Dewan, tetapi sekurang-kurangnya dapat memerhati dari luar Dewan melalui siaran TV dalaman yang terletak di merata-rata ruang legar dan bilik-bilik yang berhawa dingin.

Dewan dan PWTC kali ini menjadi milik Umno semula sepenuhnya. Umno tidak lagi menanggung hutang. Kenyataan berkenaan baru saja dibuat oleh Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin. Ini bermakna kedudukan kewangan Umno kembali kukuh dengan bantuan penyokong setianya. Ia kepunyaan Umno dan milik semua ahli-ahlinya dan tentunya dengan harapan peristiwa selepas 1987 yang mana berlakunya perpecahan tidak berulang lagi.

Perhimpunan Agung sudah selesai dan ini adalah yang terakhir dalam abad kedua puluh dan milinium kedua. Ia begitu simbolik sekali kerana dalam penubuhan awalnya pada tahun 1946 bermulanya laungan 'Hidup Melayu' dan kali ini teriakan yang sama terus bergema. Dalam konteks ini Melayu bukan bererti fahaman ras tetapi ia adalah organisasi orang Melayu/Bumiputera sebagai alat bagi menggerakkan penyertaan Melayu sepenuhnya dalam politik yang bertujuan mempertahankan kuasa dalam pembentukan kerajaan. Dengan kata lain suara dan perwakilan mereka dapat dipertahankan sebagai suara majoriti yang memberi pengertian dalam merealisasikan pelbagai dasar bagi menjamin taraf hidup supaya terus dapat dipertingkatkan untuk menghadapi dunia abad ke-21 yang bersifat serba bersaing dari dalam dan luar.

Perhimpunan yang ke-53 ini sebagai acara untuk meletakkan batu tanda kilometer dalam perjalanan yang jauh dalam milinium yang ketiga. Jalan-jalannya masih tidak menentu, tetapi Umno yang ditubuhkan sejak 53 tahun lalu masih dapat dipertahan dan akan terus dipertahankan.

Banyak perkara boleh dilihat dari pengalaman perhimpunan itu. Antaranya ia diadakan dalam suasana yang mana ia sedang berdepan dengan pilihan raya yang semakin hampir. Ramai yang membuat pelbagai ramalan sama ada ia diadakan dalam masa terdekat.

Malah ada yang menyatakan kemungkinan pada Ogos atau September. Tetapi tanda awal belum lagi diberitahu oleh Dr Mahathir. Bagaimanapun perbincangan dan ikrar yang dibuat memperlihatkan seolah-olah pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi.

Perhimpunan kali ini juga melihat dua perkara penting. Pertama isu Anwar yang menjadi bahan perbualan harian serta kemunculan sebuah parti baru iaitu KeADILan pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isteri Anwar yang menjadi perangsang kepada Umno. Isu Anwar dan parti KeADILan itu

mengganggu jaringan maklumat Umno di kalangan ahli-ahlinya dalam menghadapi Pas.

Dalam pada itu Pas pula memperalatkan parti Dr Wan Azizah untuk menimbulkan keraguan khususnya untuk melemahkan imej Dr Mahathir yang menjadi aset kekuatan dalam Umno. Anggapan yang mengatakan `hantu Anwar' masih membayangi Umno, bagaimanapun dapat ditangkis. Dr Mahathir mengembalikan keyakinan ahli-ahli parti dengan menyatakan secara terbuka, mengenai kedudukan sebenarnya. Dalam kata lain mesej yang dihantar kepada Pas ialah motif pihak Pas dalam membela Anwar adalah strategi kempen pilihan raya. Agenda terselindung Pas ialah untuk mewujudkan kesangsian terhadap kepemimpinan dalam Umno.

Isu kedua yang dibangkitkan ialah sumbangan Umno. Perbincangan mengenai sumbangan Umno kepada orang Melayu/Bumiputera dalam soal pembangunan untuk memperbaiki taraf hidup sebagai program Islamik, dapat memberi rasa yakin atau mengembalikan semangat jentera parti dalam pilihan raya. Dr Mahathir seperti biasa, dengan sifat seorang doktor perubatan melakukannya dengan cara klinikal. Selama ini, sejak kes Anwar didengar dalam mahkamah, pelbagai spekulasi mengenai Dr Mahathir disebarakan melalui Internet dan media asing sebagai jalan terakhir untuk melemahkan Umno dari dalam. Dari perspektif pendekatan yang berbentuk klinikal Dr Mahathir dianggap memberi suntikan pelali bagi menghadapi virus yang berkemungkinan merebak dalam dan di luar Umno.

Selesai perhimpunan agung, rata-rata orang ramai melahirkan rasa kembali pulih untuk menghadapi pilihan raya. Kali ini giliran Umno pula untuk menjawab segala macam tohmahan parti lawan. Apa yang dijangka selepas ini ialah Pas akan kembali untuk memberi sepenuh perhatian di Kelantan. Politik benderanya mungkin terpaksa diubah kerana jentera Umno sudah diminyakkan dan gear satu mula mengaum.

Tengku Razaleigh Hamzah dilantik semula sebagai Ketua Perhubungan Umno Kelantan. Apakah ini isyarat Umno sedang menghala untuk menawan Kelantan? Dr Mahathir kembali segar apabila ada cabaran.

Perhimpunan agung kali ini memperlihatkan seolah-olah Umno dan Dr Mahathir seperti sinonim. Apabila Dr Mahathir dikecam, seluruh Umno menjadi hilang semangat, tetapi apabila Dr Mahathir bersemangat seluruh Umno tiba-tiba pulih dan bertenaga.

(END)